

Headline	BONUS BESAR		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	573 cm ²
Journalist	Oleh Nurhayati Abllah dan Haspaizi Mohd	AdValue	RM 19,676
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,028



BONUS BESAR

// LEMBAGA TABUNG HAJI UMUM PENGAGIHAN BONUS

tertinggi sejak penubuhan 51 tahun lalu, iaitu 8.25 peratus bernilai RM3.2 bilion kepada 8.6 juta pendeposit mulai Isnin ini

// MERANGKUMI 6.25 PERATUS BONUS TAHUNAN

dan tambahan bonus haji 2 peratus kepada 7.4 juta pemegang akaun yang belum pernah menunaikan haji



IKUTI LAPORAN NURHAYATI ABLLAH DAN HASPAIZI MOHD ZAIN ◉ MUKA 4

Headline	BONUS BESAR		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	573 cm ²
Journalist	Oleh Nurhayati Abllah dan Haspaizi Mohd	AdValue	RM 19,676
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,028

TH agih bonus RM3.2 billion

» *8.6 juta pemegang akaun terima pulangan 8.25 peratus*

Oleh Nurhayati Abllah dan Haspaizi Mohd Zain

■ Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) mencatatkan pembayaran bonus tertinggi sejak penubuhannya 51 tahun lalu apabila mengagihkan bonus sebanyak 8.25 peratus bernalai RM3.2 billion untuk 8.6 juta pemegang akaunnya.

Pembayaran bonus itu merangkumi 6.25 peratus bonus tahunan dan tambahan bonus haji sebanyak dua peratus kepada pendeposit yang belum pernah menuaikan haji.

Pengumuman itu menyaksikan peningkatan 23 peratus berbanding RM2.6 billion pada tahun kewangan 2013 dan ia mula diagihkan kepada pendeposit bermula Isnin ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pembayaran bonus haji sebanyak dua peratus membabitkan 7.4 juta pemegang akaun dan ia terakluk kepada jumlah bayaran haji semasa iaitu RM9,980.

“Peningkatan pembayaran bonus itu berikutan keuntungan bersih selepas zakat TH mencatatkan RM3.3 billion iaitu meningkat sebanyak 24 peratus berbanding RM2.6 billion pada tahun 2013.

“Prestasi itu menunjukkan peningkatan keuntungan lebih lima kali ganda dan menghasilkan nilai tambah sebanyak RM15 billion kepada dana pendeposit sejak tahun 2006,” katanya pada pengumuman bonus pendeposit TH bagi ta-

hun kewangan 2014, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Jamil Khir berkata, walau-pun berdepan pelbagai cabaran sepanjang tahun 2014 termasuk ketidaktentuan ekonomi dan bencana banjir, TH masih mampu menjana pulangan yang baik, menghasilkan pelaburan berhemah dan aktif dalam aktiviti pelaburan mematuhi syariah.

Rangka pelbagai pelan

“TH sentiasa merangka pelbagai pelan perniagaan jangka pendek dan panjang bagi memastikan penjanaan pulangan yang mapan,” katanya.

Selain itu beliau turut mengingatkan simpanan dalam TH adalah berlandaskan konsep Al-Wadi’ad Yad Dhamnah yang mana simpanan dijamin sepenuhnya oleh kerajaan, manakala bonus kepada pendeposit adalah ‘hibah’ atau hadiah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bi-carai TH.

“Kadar bonus tahunan TH adalah kompetitif berikutan profil pelaburan TH adalah terhad kepada pelaburan berlandaskan syariah, sementara tabungan dalam TH adalah secara sukarela dan tiada had,” katanya.

Headline	BONUS BESAR		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	573 cm ²
Journalist	Oleh Nurhayati Abllah dan Haspaizi Mohd	AdValue	RM 19,676
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,028



Jamil Khir (dua dari kanan) bersama Abdul Azeez dan Ismee (kanan) serta Ahli Lembaga Pengarah TH, Tan Sri Abdul Shukor Husin (kiri) mengumumkan bonus pendeposit Tabung Haji.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

INFO

Jumlah bayaran bonus pendeposit Tabung Haji bagi tempoh 9 tahun

